

Headline	Kerajaan boleh tangguh kenaikan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Black/white
Page No	2	ArticleSize	137 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,228	PR Value	RM 3,684



# Kerajaan boleh tangguh kenaikan

**SHAH ALAM** – Kerajaan boleh menggunakan kuasanya untuk tangguh kenaikan beberapa harga barang dan perkhidmatan yang digunakan pengguna.

Profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharudin berkata, hak itu melibatkan kuasa menurun, mempertahankan, memansuhkan atau menaikkan harga.

“Kita bukan sebuah negara yang tiada duit, tetapi negara kita berkeadaan baik dari pelbagai segi,” katanya ketika diminta mengulas mengenai siri kenaikan

harga barangan selepas PRU13.

Amir berkata, sebagai pembuat dasar negara, mereka sepatutnya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang sewenang-wenangnya dalam tempoh singkat sehingga memberikan tekanan kepada rakyat.

Menurutnya, kerajaan perlu menggunakan psikologi kenaikan harga secara berperingkat supaya rakyat bersedia dan menerima keadaan itu.

“Pada saya, kenaikan ini tak perlu tergesa-gesa, dalam masa setahun dan bertindan-tindan.

“Kalau kita tak wujudkan un-

sur psikologi, jangan harap rakyat akan menerimanya semua dengan baik. Naikkan (harga) satu (barang dulu), kemudian tunggu dulu (respons rakyat),” katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga perkhidmatan boleh ditangguhkan sementara seperti tarif elektrik dan tambang LRT serta monorel bagi memberi penyesuaian waktu kepada rakyat.

“Bukan semua rakyat hidup senang. Kenapa tidak dikaji kemampuan rakyat untuk membayar nanti? Apabila beberapa barang dinaikkan serentak, ada dua penyesuaian yang rakyat perlu lakukan iaitu penyesuaian ke-

wangan dan minda,” katanya.

Mengulas mengenai langkah pengurangan subsidi menerusi Program Rasionalisasi Subsidi, Amir berkata, negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain juga masih memberikan subsidi kepada rakyatnya.

“Kita telah digembar-gemburkan bahawa hanya Malaysia yang masih beri subsidi kepada rakyatnya. Itu tidak benar.

“Saya baru pulang dari Britain melihat keadaan ekonomi dan universiti di sana, saya dimaklumkan rakyatnya yang tidak bekerja menerima subsidi 500 pound (RM2,630) seminggu,” katanya.